

SIRAH NABI MUHAMMAD PENGAJARAN DAN PEDOMAN, oleh Dr. Mustafa as-Syibaie. Diterjemah dan disemak oleh Pustaka Salam SDN. BHD, 2010, 207 halaman. ISBN 978-967-975-43-7

Dr. Mustafa As-Siba'i dalam karya "**Sirah dan Pengajaran**" atau judul asalnya "**السيرة النبوية** **دروس وعبر**" (As-Sirah An-Nabawiyyah: Durūs wa 'Ibar) telah menghidangkan sebuah analisis yang bukan sahaja mengisahkan perjalanan hidup Rasulullah ﷺ tetapi turut mengangkat aspek pengajaran dan hikmah yang boleh diterapkan dalam kehidupan umat Islam pada masa kini. Buku ini tidak hanya mengulang fakta sejarah tetapi memberikan kupasan mendalam mengenai akhlak dan prinsip yang boleh diambil sebagai pedoman dalam kehidupan individu, keluarga, bermasyarakat juga dalam mentadbir negara.

Penulis memulakan penulisan dengan penuh beradab bila mana mendahulukan rangkap dengan memuji Allah SWT, kemudian memuji Rasulullah SAW, seterusnya memuji Sahabat RA yang ikut menyampaikan risalah, sekaligus beliau menarik pembaca kepada perenggan yang berikutnya dengan menulis, agar buku ini memberi manfaat buat kita sebagai pembaca dengan bersama-sama berusaha menyampaikan risalah yang mulia ini seperti mana orang terdahulu mulia kerana membawa risalah dakwah ini. Tujuan asalnya kitab ini di ditulis untuk tujuan pengajaran dalam subjek kuliah Syariah. Namun ia juga perlu di dimanfaatkan secara meluas memandangkan masih tidak banyak lagi penulisan sirah ketika buku ini di tulis.

Metodologi penulisan yang digunakan dalam buku ini di pecahkan kepada dua bahagian yang besar, iaitu *Muqaddimah* dan juga penceritaan kronologi Rasulullah SAW. Dari sudut pengolahan isi kandungan, buku ini disusun dalam bentuk kronologi tetapi dengan pendekatan yang lebih reflektif. Penulis bukan sekadar menyusun peristiwa dalam bentuk naratif sejarah, tetapi juga membincangkan hikmah yang terkandung di dalamnya. Setiap bab dalam buku ini menekankan bagaimana Rasulullah ﷺ menghadapi pelbagai cabaran, menunjukkan sifat kepimpinan Baginda, serta membimbing umat Islam dalam menghadapi ujian zaman. Kesemua jumlah halaman buku ini merangkumi 184 muka surat. Di bahagian *muqaddimah*, penulis mengkategorikan kepada dua sub topik utama iaitu berkenaan keistimewaan sirah Rasulullah SAW dan keduanya sumber rujukan yang digunakan dalam membukukan sirah nabawiyah (Sirah Nabawiyah). Terdapat lima keistimewaan sirah Nabawiyah yang akan dijelaskan satu persatu secara ringkas memandangkan penulis buku ini mementingkan perkara asas dalam mendalami sirah sebagai suatu keperluan kepada semua muslim.

Keistimewaan Sirah Rasulullah SAW yang pertama, menceritakan kisah seorang tokoh Islah, iaitu sirah Rasulullah SAW melalui susur galur ilmiah yang paling tepat. Bahkan, keistimewaan sirah yang sohih ini tiada sebarang keraguan, tidak terdapat dalam mana-mana sirah rasul-rasul yang terdahulu. Penulis menceritakan serba ringkas bahawa sirah yang terdapat pada rasul terdahulu seperti Nabi Musa AS, Nabi Isa AS, Nabi Daud AS, telah berlaku tokoh tambah dalam kitab mereka. Hal ini kerana, sirah yang paling sahih dan paling diterima pakai secara *mutawatir* ialah sirah Muhammad, Rasulullah SAW.

Keistimewaan kedua ialah kehidupan Rasulullah SAW pada setiap peringkat hidupnya amat jelas dicatat dan diceritakan sebahagiannya dengan penuh terperinci daripada lahir sehinggalah Baginda wafat. Fenomena seperti ini tidak mudah didapati dalam kalangan mana-mana rasul terdahulu, misalnya kita tidak tahu sesuatupun berkenaan Nabi Musa AS ketika zaman kanak-

kanak, zaman remaja mahupun sumber pencariannya sebelum kenabian. Berikutnya keistimewaan yang ketiga ialah Sirah Rasulullah SAW menceritakan perjalanan hidup seorang manusia yang dimuliakan Allah SWT dengan risalah-Nya, namun ia tidak mengeluarkan Baginda daripada sifat kemanusiaannya.

Keistimewaan sirah yang seterusnya lagi ialah Sirah Rasulullah SAW meliputi setiap sudut kemanusiaan yang dimiliki manusia. Ia menceritakan kepada kita akhlak Rasulullah SAW, pendakwah yang mencurahkan sepenuh tenaganya. Baginda sebagai ketua Negara, sebagai seorang suami dan bapa, seterusnya sebagai seorang teman dan pendidik. Bahkan diceritakan Baginda juga seorang pahlawan yang berani, panglima perang yang jaguh, ahli politik berjaya, jiran yang amanah dan pengikat janji yang jujur. Pendek kata, Sirah Rasulullah SAW meliputi semua aspek kemanusiaan dalam masyarakat, sedangkan tokoh-tokoh lain di atas dunia ini menjadi teladan untuk satu aspek daripada pelbagai aspek kehidupan, iaitu dalam bidang yang mereka terserlah dan terkenal dengannya sahaja. Bahkan, Buku ini juga memberikan jawapan terhadap beberapa kritikan orientalis yang mempertikai Sirah Rasulullah ﷺ, dengan hujah-hujah ilmiah yang kukuh berdasarkan sumber primer yang sahih.

Justeru itu, keistimewaan yang terakhir yang dijelaskan dalam buku ini ialah Sirah Rasulullah SAW adalah satu-satunya sirah yang memberi dalil yang tidak diragui tentang kebenaran risalah dan kenabian Baginda kepada kita. Baginda mengharungi kehidupan bersama dakwahnya dengan mendapat kejayaan demi kejayaan, bukan dengan cara peristiwa-peristiwa yang pelik. Baginda berdakwah walaupun disakiti, menyampaikan risalah seterusnya memperolehi sokongan daripada sahabat dan kerabat terdekat. Dakwahnya tersebar melalui cara iman (keyakinan), bukan dengan cara paksaan atau kemenangan perang.

Setelah dijelaskan berkenaan keistimewaan sirah Rasulullah SAW, penulis menjelaskan pul, Sumber sirah yang digunakan dalam membawa sirah Rasulullah SAW ini terus dipelihara, ianya hanya dengan empat sumber sahaja iaitu Al-Quran al-Karim seperti mana yang termaktub dalam (Surah ad Dhuha, ayat 6-7; surah al-Qalam: 4). Sumber kedua adalah sunnah yang sahih daripada *sunnan sittah* (enam buah kitab hadis) iaitu Sahih Bukhari, Sahih Muslim, *Sunan* Abu Daud, *Sunan* an-Nasaie, *Sunan* at-Tirmizi dan *Sunan* Ibnu Majah. Begitu juga kitab *al-Muwatto'* karangan Imam Malik dan *Musnad* Imam Ahmad. Sumber rujukan berikutnya ialah Syair Arab yang sezaman dengan zaman kerasulan. Hal ini kerana di zaman Rasulullah SAW ramai penyair musyrik yang menyerang dakwah Rasulullah SAW dengan syair-syair mereka namun dijawab melalui lidah penyair orang Islam seperti Hasan bin thabit, Abdullah bin Rawahah, Thufail Amru Ad-Dausi dan lain-lain. Buku-buku sastera arab juga banyak tercatat dan tersimpan berkenaan kisah-kisah yang dijadikan rujukan. Yang terakhir adalah kitab-kitab sirah. Pada mulanya kisah dalam sirah Nabi SAW hanya merupakan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para sahabat RA kepada generasi selepas mereka. Sesetengah sahabat memberikan perhatian khusus terhadap setiap peristiwa yang berlaku dalam sirah Nabi SAW, kemudian para Tabien menukilkan riwayat-riwayat ini dan mencatatnya dalam lembaran simpanan mereka.

Tambahan yang menarik di dalam sumber sirah ini adalah, penulis membawa nama-nama tabien yang menukilkan kitab-kitab sirah serta buku-buku awal sirah yang dicatatkan. Di sini, pengkaji merasakan keperluan untuk disebut nama mereka memandangkan hampir sebahagian besar kitab sirah hari ini kurang menyebut dan menekankan aspek ini. Hal ini bagi membantu dan memudahkan mereka yang ingin mendalami dan melakukan kajian lebih terperinci selepas

ini terhadap sirah Nabawiyah. Di antara Tabien dan Ulama' berikutnya yang mengambil perhatian serius dalam mengumpulkan sirah Rasulullah SAW adalah, Aban bin Othman bin Affan r.a (32-105H) dan 'Urwah bin az-Zubair bin al-'Awwam (29-93H)., Abdullah bin Abu Bakar al-ansori (135H), Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri (50-124H). Manakala yang mengumpulkan sunnah ketika zaman Umar bin Abdul Aziz pula ialah Asim bin Umar bin Qatadah al-Ansori (129H), Muhammad bin Ishaq bin Yasir (Ibnu Ishaq, 152H), di mana beliau juga menulis sebuah kitab sirah yang diberi nama Al-Maghazi terkandung hadis-hadis dan riwayat-riwayat yang didengarnya dari Madinah dan Mesir. Namun kitab ini telah hilang, dan sebahagiannya sahaja yang selamat di ambil manfaat oleh ulama' kemudian iaitu Ibnu Hisyam.

Dalam Sirah Ibnu Hisyam (218H), beliau telah menulis kitab sirah Nabawiyah yang mengandungi peristiwa sirah yang diriwayatkan oleh gurunya, al-Bakka-ie daripada Ibnu Ishaq. Kitab ini muncul sebagai sumber Sirah Nabi SAW yang paling amanah dan paling teliti saat itu. Kitab ini telah diperhalusi oleh dua orang 'alim dari andalus, iaitu as-Suhaili (508-581H) dan al-Khusyani (535-604H). Selain itu terdapat juga kitab *Tobaqot* Ibnu Saad (230H). Ibnu Saad memberikan nabi Kitab Tobaqot kerana menyebut nama-nama sahabat dan Tabien mengikut lapisan generasi. Kitab *at-Tobaqot* antara sumber awal yang dipercayai dan faktanya terpelihara dengan dinyatakan latar belakang sahabat dan Tabien. Seterusnya kitab *Tarikh-at-Tobari* (224-310H). Penulisan beliau tidak hanya terbatas kepada sirah Rasulullah SAW, bahkan sejarah umat-umat sebelumnya. Beliau menyediakan bahagian yang khusus untuk sirah Rasulullah SAW, seterusnya menyambung perbincangan tentang sejarah negara-negara Islam sehingga beliau hampir meninggal dunia. Walau bagaimanapun, banyak riwayat *dhaif* yang disebut oleh beliau, namun beliau berpada dengan menyandarkan riwayat tersebut kepada perawinya.

Perkembangan penulisan Sirah, terus berkembang. Seseengah aspek telah ditulis secara khusus dan berasingan seperti, *Dala-il al Nubuwwah* (tanda-tanda kenabian) oleh al-Asbahani, *Syama'il al-Muhammadiyah* (perwatakan Muhammad) oleh at-Tirmizi, *Zadud Ma'ad* (Bekalan ke Tempat Kembali) oleh Ibnu Qayyim al-Jauziyah, *as-Syifa'* (kesembuhan) oleh Qadhi 'Iyadh dan *al-Mawahib al-Ladunniyah* (Bakat-bakat Kurniaan Tuhan) oleh al-Qostalani. Ia di dibukukan dalam lapan jilid oleh az-Zarqani (112H). Seterusnya, kitab yang juga terkenal pada zaman moden ini iaitu *Kitab Nur al-Yaqin fi Sirah Sayyid al-ursalin* oleh Syeikh Muhammad al-Khudhori. Kesemua penjelasan berkaitan sumber kitab sirah ini dinyatakan didalam bahagian awal buku ini.

Setelah selesai penerangan pada bahagian pertama, penulis menyambung dengan menjelaskan pada bahagian Ilmu dan Fiqh Sirah. Penulis membahagikan membahagikan kepada, enam sub topik. Sub topik pertama berkenaan, kehidupan Rasulullah SAW sebelum diutuskan sebagai Rasul. Sub topik kedua adalah Permulaan Wahyu sehingga Hijrah ke Habsyah. dan kemudiannya Selepas hijrah ke Habsyah hingga hijrah ke Madinah. Sub topik seterusnya pula ialah daripada peristiwa Hijrah sehingga umat Islam mula stabil di Madinah, dan peristiwa peperangan dalam Islam dalam tempoh hayat Rasulullah SAW. Sub topik terakhir merupakan peristiwa penting selepas *fathul Mekkah* (pembukaan Kota Makkah) sehingga kewafatan Rasulullah SAW.

Bahagian pertama, Dr. Mustafa As-Siba'ie memulakan buku ini dengan menggambarkan keadaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam. Beliau menjelaskan tentang sistem sosial, kepercayaan, dan budaya jahiliah yang menjadi latar belakang kepada misi kerasulan

Nabi Muhammad ﷺ. Bahagian ini penting untuk memahami konteks sejarah dan mengapakah Islam menjadi penyelesaian kepada masalah masyarakat pada waktu itu. Pada bahagian ke dua dan ketiga menceritakan tentang permulaan kerasulan Nabi Muhammad ﷺ, turunnya wahyu pertama, dan perjuangan Baginda dalam menyebarkan Islam di Mekah. Penulis menekankan aspek kesabaran, ketabahan, dan strategi dakwah Rasulullah dalam menghadapi tentangan hebat dari kaum Quraisy. Pengajaran yang boleh diambil termasuk pentingnya kesabaran, keikhlasan, dan pendekatan bijaksana dalam berdakwah. Manakala pada bahagian keempat, kelima dan terakhir mengisahkan tentang pembentukan masyarakat Islam pertama di bawah pimpinan Rasulullah. Dr. Mustafa As-Siba'ie menonjolkan aspek kepemimpinan, keadilan, dan kebijaksanaan Nabi dalam menguruskan hubungan antara kaum Muslimin, Yahudi, dan masyarakat lain di Madinah. Peristiwa penting seperti Perjanjian Hudaibiyah, Pembukaan Mekah, dan peperangan yang dihadapi oleh umat Islam juga dibincangkan dengan terperinci sehinggalah kepada peristiwa kewafatan baginda. Begitulah penjelasan ringkas namun padat terhadap enam bahagian dalam buku ini.

Apa yang menarik melalui garapannya, beliau mendatangkan plot penceritaan bersumberkan kisah yang sahih. Di setiap sub topik tajuk yang dibawa, penulis akan membawa peristiwa-peristiwa penceritaan sirah dan penulis akan mengakhiri dengan pengajaran. Oleh yang demikian, Pengajaran yang dibawa terserlah dalam penulisan kerana diletakkan dalam bentuk *point*. Pada awal penulisan buku ini, penulis bertujuan menggunakan dalam bentuk pengajian, yang memerlukan kepada struktur *numbering*. Sungguhpun begitu, kaedah penulisan ini dapat membantu pembaca memperoleh pengajaran secara keseluruhan penceritaan. Selain itu, antara aspek yang menarik dalam buku ini adalah penerapan prinsip **tarbiyyah** dan **dakwah** dalam pendekatan Rasulullah ﷺ. Dr. Mustafa As-Siba'i menjelaskan bahawa kejayaan dakwah Islam bukanlah semata-mata kerana wahyu Ilahi tetapi juga kerana strategi dan kaedah yang digunakan oleh Rasulullah ﷺ dalam mendidik para Sahabat untuk menyebarkan Islam. Buku ini turut menekankan betapa pentingnya meneladani akhlak dan kebijaksanaan Rasulullah ﷺ dalam menangani konflik, membina masyarakat yang bersatu dan menyebarkan *Rahmatan Lil Alamin*.

Komentar terhadap penulisan buku ini pula adalah, penulis menggunakan bahasa yang mudah dan sesuai untuk orang awam membacanya walaupun pada awalnya ditulis untuk pengajian di universiti. Namun, yang pastinya buku ini bersifat akademik dengan latar bahasa yang tinggi. Buku ini adalah antara buku yang menceritakan sirah riwayat hidup Rasulullah SAW yang ringkas dan padat. Pengajaran yang dinukilkan adalah bersifat umum dan sesiapa yang membacanya juga boleh memahami dan mengambil manfaat termasuk *non Muslim*. Terdapat sedikit cadangan penambahbaikan daripada buku ini iaitu dari sudut teknikal di mana pada bahagian *muqaddimah* terdapat sepuluh bahagian, namun hanya enam bahagian sahaja yang berjaya ditulis berkemungkinan kekangan sakit dan mengejar masa. Buku ini juga disarankan tambahan elemen visual seperti peta perjalanan Rasulullah ﷺ, ilustrasi peristiwa penting atau ringkasan dalam bentuk jadual untuk memudahkan pembaca memahami susunan kronologi dan peristiwa dalam Sirah. Selain itu, penambahan rujukan secara lebih terperinci dalam bentuk nota kaki juga dapat membantu pembaca yang ingin membuat kajian lanjutan serta akan lebih memberikan pencerahan dan penghayatan terhadap peristiwa Sirah.

Buku "Sirah dan Pengajaran" oleh Dr. Mustafa As-Siba'ie adalah sebuah karya yang sangat bernilai untuk dibaca oleh semua peringkat umur. Ia bukan sahaja menghidangkan kisah hidup Rasulullah ﷺ dengan lengkap, tetapi juga memberikan panduan praktikal untuk menghadapi cabaran hidup berdasarkan contoh terbaik dari Rasulullah SAW. Buku ini amat sesuai untuk

para pendidik, pelajar dan sesiapa sahaja yang ingin memahami sirah Nabi dengan lebih mendalam. Pengkaji mencadangkan agar buku ini dijadikan rujukan dalam mempelajari sirah Rasul, terutamanya bagi mereka yang mencari gabungan antara fakta sejarah dan pengajaran hidup. Semoga ulasan ini dapat membantu memahami nilai dan keistimewaan buku ini.

Dr. Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain

Akademi Tamadun Islam.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

80990 Johor Bahru, Skudai,

Johor, Malaysia